



# GARIS PANDUAN PENSIJILAN UKUR BAHAN: PENGUKURAN KERJA AWAM

---

CAWANGAN KONTRAK & UKUR BAHAN  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA



**PROGRAM PENSIJILAN UKUR BAHAN**  
**PENSIJILAN PENGUKURAN KERJA AWAM**

---

**ISI KANDUNGAN**

**1.0 PENGENALAN**

**2.0 OBJEKTIF**

**3.0 TAHAP PENSIJILAN**

**4.0 KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN**

**5.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN BIASA)**

**6.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN KHAS)**

**7.0 CARA MEMOHON**

**8.0 LATIHAN**

**9.0 PENILAIAN**

**10.0 LAMPIRAN**

Lampiran 1 - Modul Pensijilan

Lampiran 2 - Borang Permohonan Untuk Pentauliahan Bagi Program  
Pensijilan

Lampiran 3 - Senarai Semak Bagi Pematuhan Syarat-syarat Permohonan

**PROGRAM PENSIJILAN UKUR BAHAN**  
**PENSIJILAN PENGUKURAN KERJA AWAM**

**1.0 PENGENALAN**

Program Pensijilan Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certification*) ini adalah program di mana Juruukur Bahan / Jurutera Awam akan melalui proses pentauliahan bagi mereka yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam Pengukuran Kerja Awam seperti yang disyaratkan dan menepati piawaian pensijilan.

Melalui pentauliahan ini, Juruukur Bahan / Jurutera Awam akan lebih berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab profesional dan seterusnya membantu Jabatan dalam menghasilkan Senarai Kuantiti yang berkualiti dan dapat memberi khidmat nasihat pakar berkaitan Pengukuran Kerja Awam.

Ini merupakan usaha Jabatan selaras dengan Pelan Strategik JKR untuk melahirkan lebih ramai Juruukur Bahan / Jurutera Awam berkepakaran dalam bidang khusus.

**2.0 OBJEKTIF**

Pensijilan Pengukuran Kerja Awam ini adalah untuk :-

- i) Meningkatkan Kompetensi Juruukur Bahan / Jurutera Awam / Penolong Juruukur Bahan dalam projek-projek infrastruktur;
- ii) Mengiktiraf pengetahuan dan pengalaman Juruukur Bahan / Jurutera Awam / Penolong Juruukur Bahan dalam menghasilkan Senarai Kuantiti yang berkualiti bagi projek infrastruktur dan kejuruteraan awam;

- iii) Melahirkan pakar dan penasihat dalam bidang Pengukuran Kuantiti Kerja Awam selari dengan kehendak Pelan Bisnes Cawangan;
- iv) Mewujudkan peluang pembangunan kerjaya di samping dapat meningkatkan keupayaan, keyakinan diri dan kepuasan individu.

### **3.0 TAHAP PENSIJILAN**

Penetapan tahap Pensijilan Pengukuran Kerja Awam ini adalah merujuk kepada MODEL COMPETENCY & DICTIONARY JKR 293-006-11. Tahap pengkelasan adalah terdiri daripada tiga (3) tahap pengkelasan. Tahap pengkelasan adalah terdiri daripada Tahap 2 - *Basic*, Tahap 3 - *Competent* dan Tahap 4 – *Proficient*.

Sijil-sijil akan diberi sejajar dengan tahap pengkelasan tertentu dan akan diberi gelaran seperti berikut:-

**3.1 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*) Tahap 2**

**3.2 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*) Tahap 3**

**3.3 Sijil Lanjutan Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Advanced Certificate*) Tahap 4**

Persijilan Lanjutan Pengukuran Kerja Awam Tahap 4 bukan sahaja mentauliahkan seseorang Juruukur Bahan / Jurutera Awam / Penolong Juruukur Bahan itu *Proficient* tetapi juga memantapkan pengetahuan pegawai tersebut menuju laluan sebagai *Subject Matter Expert* (SME) dalam menyediakan Senarai Kuantiti Kerja Awam yang berkualiti untuk projek-projek infrastruktur dan kejuruteraan awam Kerajaan.

#### **4.0 KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN**

Calon hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam penyediaan senarai kuantiti bagi projek-projek infrastruktur dan kejuruteraan awam Kerajaan di sepanjang berkhidmat sebagai Juruukur Bahan / Jurutera Awam / Penolong Juruukur Bahan.

Ciri-ciri kekompetenan yang dijangka dimiliki adalah seperti berikut:-

- i) Berkemahiran dalam penyediaan Senarai Kuantiti projek infrastruktur dan kejuruteraan awam;
- ii) Berkebolehan untuk mengenalpasti kesilapan dan sebarang kekurangan dalam penyediaan dan pengukuran kuantiti projek infrastruktur dan kejuruteraan awam;
- iii) Berkebolehan menjalankan tugas dengan pengawasan yang minima.

Skop pengetahuan bagi tahap-tahap pensijilan yang berkaitan adalah seperti berikut:-

##### **4.1 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*) Tahap 2**

Pada tahap ini, calon berupaya membuat pengukuran kuantiti bagi menghasilkan Senarai Kuantiti asas untuk kerja sivil berdasarkan amalan prinsipal yang digariskan oleh CESMM dan MyCESMM. Butiran modul pensijilan adalah seperti di Lampiran 1.

##### **4.2 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*) Tahap 3**

Pada tahap ini, calon berupaya membuat pengukuran kuantiti bagi menghasilkan Senarai Kuantiti bagi kerja-kerja utama untuk kerja sivil

berdasarkan amalan prinsipal yang digariskan oleh CESMM dan MyCESMM. Butiran modul pensijilan adalah seperti di Lampiran 1.

#### 4.3 Sijil Lanjutan Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Advanced Certificate*) Tahap 4

Pada tahap ini calon mampu untuk melaksanakan pengukuran kuantiti kerja awam dengan mahir dan menyediakan senarai kuantiti yang lengkap. Calon dilatih untuk pengkhususan dalam kepakaran sesuatu bidang antaranya pembinaan jalan dan jambatan, pembinaan landasan keretapi dan pembinaan struktur marin. Calon juga berupaya untuk menyemak deraf senarai kuantiti. Butiran modul pensijilan adalah seperti di Lampiran 1.

### 5.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN BIASA)

Calon berminat boleh memohon dengan memenuhi syarat yang ditetapkan :-

#### 5.1 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*) Tahap 2

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

Pengurusan dan Professional	Kumpulan Pelaksana
a) Memegang jawatan Juruukur Bahan / Jurutera Awam;	a) Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan;
b) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai: i) Juruukur Bahan minimum satu (1) tahun; ATAU ii) Jurutera Awam minimum dua (2) tahun;	b) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum satu (1) tahun;
c) Telah hadir sekurang-kurangnya dua (2) kursus	c) Telah hadir sekurang-kurangnya dua (2) kursus asas

<p>asas pengukuran kuantiti anjuran LJBM, LJM, CKUB atau CREaTE atau INTAN atau CIDB atau RISM;</p>	<p>pengukuran kuantiti anjuran LJBM, CKUB atau CREaTE atau INTAN atau CIDB atau RISM;</p>
<p>d) Berdaftar dengan:</p> <p>i) LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional (<i>Provisional Quantity Surveyor</i>); ATAU</p> <p>ii) LJM sekurang-kurangnya sebagai Jurutera Siswazah (<i>Graduate Engineer</i>).</p>	

## 5.2 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*)

### Tahap 3

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

<b>Pengurusan dan Professional</b>	<b>Kumpulan Pelaksana</b>
<p>a) Memegang jawatan Juruukur Bahan / Jurutera Awam;</p>	<p>a) Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan;</p>
<p>b) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai:</p> <p>i) Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun; ATAU</p> <p>ii) Jurutera Awam minimum lima (5) tahun;</p>	<p>b) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun;</p>
<p>c) Calon telah lulus kursus Tahap 2;</p>	<p>c) Calon telah lulus kursus Tahap 2;</p>
<p>d) Berdaftar dengan:</p> <p>i) LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional (<i>Provisional Quantity Surveyor</i>); ATAU</p>	

ii) LJM sekurang-kurangnya sebagai Jurutera Siswazah ( <i>Graduate Engineer</i> ).	
--	--

### 5.3 Sijil Lanjutan Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Advanced Certificate*) Tahap 4

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

Pengurusan dan Professional	Kumpulan Pelaksana
a) Memegang jawatan Juruukur Bahan;	a) Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan;
b) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun;	b) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun;
c) Calon telah lulus kursus Tahap 3;	c) Calon telah lulus kursus Tahap 3;
d) Berdaftar dengan LJBM sebagai Juruukur Bahan Profesional ATAU Juruukur Bahan Konsultan ( <i>Professional Quantity Surveyor (PQS)</i> atau <i>Consultant Quantity Surveyor (CQS)</i> );	d) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan dan berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional ( <i>Provisional Quantity Surveyor</i> );
e) Berpengalaman menjadi penceramah/fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;  <b>ATAU</b>  Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan	e) Berpengalaman menjadi penceramah/fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;  <b>ATAU</b>  Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan



Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian.	Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian.
--	--

## 6.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN KHAS)

Calon juga boleh dikecualikan daripada tahap-tahap tertentu di atas melalui Laluan Khas. Permohonan boleh dipertimbangkan oleh Panel Bidang Kepakaran dengan syarat pemohon perlu mengemukakan pembuktian seperti berikut:

### 6.1 Laluan Khas Ke Tahap 2

<b>Pengurusan dan Professional</b>	<b>Kumpulan Pelaksana</b>
a) Memegang jawatan Juruukur Bahan;	a) Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan;
b) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan;	b) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan;
c) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun;	c) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun;
d) Berdaftar dengan LJBM sebagai Juruukur Bahan Profesional ATAU Juruukur Bahan Konsultan ( <i>Professional Quantity Surveyor (PQS)</i> atau <i>Consultant Quantity Surveyor (CQS)</i> );	d) Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional ( <i>Provisional Quantity Surveyor</i> );
e) Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam.	e) Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam.

## 6.2 Laluan Khas Ke Tahap 3

Pengurusan dan Professional	Kumpulan Pelaksana
a) Memegang jawatan Juruukur Bahan;	a) Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan;
b) Mempunyai kelulusan Sarjana dan setaraf dalam bidang pembinaan;	b) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan;
c) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun;	c) Pengalaman bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun;
d) Berdaftar dengan LJBM sebagai Juruukur Bahan Profesional ATAU Juruukur Bahan Konsultan ( <i>Professional Quantity Surveyor</i> (PQS) atau <i>Consultant Quantity Surveyor</i> (CQS));	d) Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional ( <i>Provisional Quantity Surveyor</i> );
e) Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam;	e) Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam;
<p>f) Berpengalaman menjadi penceramah/fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian;</p> <p><b>ATAU</b></p> <p>Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian.</p>	<p>f) Berpengalaman menjadi penceramah/fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian;</p> <p><b>ATAU</b></p> <p>Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian.</p>

### **6.3 Laluan Khas Bagi Calon Yang Diperakukan Oleh Ketua Disiplin**

Calon yang diperakukan oleh Ketua Disiplin berdasarkan pengalaman dan perkhidmatan dalam bidang pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti kerja awam.

Calon-calon dikehendaki untuk mengemukakan bukti-bukti lanjut sekiranya diperlukan oleh Panel Bidang Kepakaran dan penilaian adalah berdasarkan temuduga/temubual.

## **7.0 CARA MEMOHON**

Hebahan program akan dibuat melalui :-

- i) Laman Web JKR;
- ii) Surat Jemputan calon kepada Ketua Jabatan.

Pertanyaan dan borang permohonan yang lengkap di Lampiran A hendaklah dialamatkan kepada:-

Makmal Penyelidikan Ukur Bahan  
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE),  
Jabatan Kerja Raya Malaysia,  
Jalan Kemus, Simpang Ampat,  
78000 Alor Gajah,  
Melaka.

Carta alir permohonan untuk pentauliahan bagi program pensijilan adalah seperti di Lampiran 3.

## 8.0 LATIHAN

Program ini akan dikendalikan mengikut modul kursus teknikal yang telah digubal dengan merujuk kepada kursus anjuran CREaTE dan juga CIDB.

Senarai Kursus berkaitan keseluruhan Program adalah seperti di Lampiran 1.

## 9.0 PENILAIAN

Pentauliahan pensijilan akan dinilai berdasarkan perkara-perkara berikut:-

### 9.1 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*)

#### Tahap 2

- a) Kehadiran penuh sepanjang tempoh berkursus;
- b) Lulus ujian pensijilan.

### 9.2 Sijil Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Certificate*)

#### Tahap 3

- a) Kehadiran penuh sepanjang tempoh berkursus;
- b) Lulus kerja kursus individu (dimajukan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh akhir kursus).

### 9.3 Sijil Lanjutan Pengukuran Kerja Awam (*Civil Works Measurement Advanced Certificate*) Tahap 4

- a) Kehadiran penuh sepanjang tempoh berkursus;
- b) Lulus kerja kursus individu dan pembentangan (dimajukan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh akhir kursus);
- c) Pembuktian pengalaman dalam penyediaan dan semakan Senarai Kuantiti projek sebenar.

Pembahagian markah penilaian adalah seperti berikut:-

<b>Program Persijilan</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Markah</b>
<b>Sijil Pengukuran Kerja Awam (<i>Civil Works Measurement Certificate</i>) Tahap 2</b>		
	Peperiksaan Objektif (individu) (Format jawapan betul 1 markah, dan 0 untuk jawapan salah dan untuk tidak menjawab)	20%
	Peperiksaan Subjektif (individu) (Penilaian berdasarkan kepada pengukuran kuantiti dan penyediaan Deraf Senarai Kuantiti kerja asas sivil)	80%
<b>Sijil Pengukuran Kerja Awam (<i>Civil Works Measurement Certificate</i>) Tahap 3</b>		
	Kerja Kursus (individu) (Penilaian berdasarkan kepada penyediaan kerja kursus yang melibatkan pengukuran kuantiti dan penyediaan Senarai Kuantiti)	100%
<b>Sijil Lanjutan Pengukuran Kerja Awam (<i>Civil Works Measurement Advanced Certificate</i>) Tahap 4</b>		
	Kerja Kursus dan Pembentangan (individu) (Penilaian berdasarkan kepada penyediaan kerja kursus yang melibatkan pengukuran kuantiti dan penyediaan Senarai Kuantiti serta pembentangan kepada panel)	50%
	(Penilaian berdasarkan kepada	50%

	kemahiran menyemak deraf senarai kuantiti)	
--	--	--

Calon mestilah memperolehi markah keseluruhan **sekurang-kurangnya 80%** untuk melayakkan memperolehi pensijilan ini.

**BORANG PERMOHONAN PENSIJILAN PENGUKURAN KERJA AWAM  
(Diisi Oleh Calon)**

**LEKATKAN  
GAMBAR  
TERKINI**

TAHAP : 2       TAHAP : 3       TAHAP: 4

LALUAN KHAS : TAHAP 2 / TAHAP 3       LALUAN KHAS (Untuk Diperakukan oleh Ketua Disiplin)

**BAHAGIAN I : MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON**

<b>Nama Penuh</b>		<b>Jawatan</b>	
<b>No. Kad Pengenalan</b>		<b>Tarikh Lantikan Pertama &amp; Gred Sekarang</b>	
<b>Jantina</b>		<b>Bahagian</b>	
<b>Nama &amp; Alamat Majikan</b>		<b>Cawangan/ Negeri</b>	
<b>No. Tel (P)</b>		<b>No. Tel (Bimbit)</b>	
<b>No. Fax</b>		<b>Emel</b>	
<b>No BQSM</b>		<b>Bil Kakitangan Seliaan</b>	

**BAHAGIAN II : KELAYAKAN AKADEMIK**

<b>Bil</b>	<b>Sijil/Diploma/Ijazah/Ijazah Sarjana/PHD</b>	<b>Kolej/Universiti</b>	<b>Tahun</b>

**BAHAGIAN III : LAIN -LAIN KELAYAKAN**

<b>Bil</b>	<b>Kelayakan</b>	<b>Kolej/Universiti/Badan Iktisas</b>	<b>Tahun</b>

**BAHAGIAN IV : PENGALAMAN KERJA  
(Pengalaman kerja dan tempoh)**

<b>Bil</b>	<b>Tempat Bertugas</b>	<b>Bidang tugas (secara ringkas)</b>	<b>Gred Jawatan /Tempoh</b>



**BAHAGIAN V : SENARAI KURSUS YANG DI HADIRI (Permohonan Untuk Tahap 2 Sahaja)**  
**Sila sertakan sesalian Sijil Kursus yang telah akui sah**

<b>Bil</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Tarikh &amp; Tempoh</b>	<b>Anjuran</b>

**BAHAGIAN VI : SIJIL TAHAP 2 YANG DI HADIRI (Permohonan Untuk Tahap 3 Sahaja)**  
**Sila sertakan sesalian Sijil Kursus yang telah akui sah**

<b>Bil</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Tarikh &amp; Tempoh</b>	<b>Anjuran</b>

**BAHAGIAN VII : SIJIL TAHAP 3 YANG DI HADIRI (Permohonan Untuk Tahap 4 Sahaja)**  
**Sila sertakan sesalian Sijil Kursus yang telah akui sah**

<b>Bil</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Tarikh &amp; Tempoh</b>	<b>Anjuran</b>

<b>BAHAGIAN VIII : LALUAN KHAS (Permohonan Untuk Tahap 2/ Tahap 3)</b>		
<b>Bil</b>	<b>Pengalaman penceramah atau fasilitator / tajuk pembentangan kertas kerja</b>	<b>Penganjur &amp; Tempoh (Sertakan pembuktian)</b>

<b>BAHAGIAN IX : LALUAN KHAS (Permohonan Untuk Diperakukan oleh Ketua Disiplin)</b>		
<b>Bil</b>	<b>Butiran Pengalaman Kerja Awam</b>	<b>Tempoh (Sertakan pembuktian)</b>

Tandatangan Pemohon :

Disokong/ Tidak Disokong (Ketua Bahagian)

.....

.....

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Cop Jabatan :

Cop Jabatan :

Tarikh :

Tarikh :

## LAMPIRAN 3: SENARAI SEMAK LALUAN BIASA

### TAHAP 2 (KUMPULAN PELAKSANA)

- Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan (JA29)  
(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
- Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum satu (1) tahun  
(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
- Menghadiri sekurang-kurangnya dua (2) kursus asas pengukuran kuantiti anjuran LJBM, CKUB atau CREaTE atau INTAN atau CIDB atau RISM;  
(Sila sertakan salinan sijil kursus berkaitan)

### TAHAP 2 (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL)

- Memegang jawatan Juruukur Bahan / Jurutera Awam  
(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
- Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Juruukur Bahan minimum satu (1) tahun atau Jurutera Awam minimum dua (2) tahun;  
(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
- Menghadiri sekurang-kurangnya dua (2) kursus asas pengukuran kuantiti anjuran LJBM, CKUB atau CREaTE atau INTAN atau CIDB atau RISM;  
(Sila sertakan salinan sijil kursus berkaitan)
- Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - *Provisional Quantity Surveyor*  
  
Atau  
Berdaftar dengan LJM sekurang-kurangnya sebagai Jurutera Siswazah – *Graduate Engineer*  
(Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM atau LJM)

### TAHAP 3 (KUMPULAN PELAKSANA)

- Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan (JA29)  
(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
- Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun  
(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
- Lulus kursus Tahap 2

### TAHAP 3 (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL)

- Memegang jawatan Juruukur Bahan / Jurutera Awam  
(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
- Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun atau Jurutera Awam minimum lima (5) tahun;  
(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)

<input type="checkbox"/>	Lulus kursus Tahap 2
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i>  Atau Berdaftar dengan LJM sekurang-kurangnya sebagai Jurutera Siswazah – <i>Graduate Engineer</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM atau LJM)
<b>TAHAP 4 (KUMPULAN PELAKSANA)</b>	
<input type="checkbox"/>	Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan (JA29) (Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Lulus kursus Tahap 3
<input type="checkbox"/>	Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan Dan Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan kelulusan akademik dan salinan pendaftaran dengan LJBM)
<input type="checkbox"/>	Sebagai penceramah/ fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;  Atau  Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian. (Sila sertakan salinan surat perlantikan sebagai penceramah / fasilitator atau AJK bagi jawatankuasa yang berkaitan)
<b>TAHAP 4 (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL)</b>	
<input type="checkbox"/>	Memegang jawatan Juruukur Bahan (Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Lulus kursus Tahap 3
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> atau Juruukur Bahan Konsultan – <i>Consultant Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)

<input type="checkbox"/>	<p>Sebagai penceramah/ fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;</p> <p style="text-align: center;">Atau</p> <p>Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian.</p> <p><b>(Sila sertakan salinan surat perlantikan sebagai penceramah / fasilitator atau AJK bagi jawatankuasa yang berkaitan)</b></p>
--------------------------	---

## LAMPIRAN 3: SENARAI SEMAK LALUAN KHAS

### TAHAP 2 (KUMPULAN PELAKSANA)

- |                          |   |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan (JA29)<br>(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)   |
| <input type="checkbox"/> | Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan<br>(Sila sertakan salinan kelayakan akademik)  |
| <input type="checkbox"/> | Bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun<br>(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian) |
| <input type="checkbox"/> | Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i><br>(Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM atau LJM)               |
| <input type="checkbox"/> | Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam   |

### TAHAP 2 (KUMPULAN PROFESSIONAL)

- |                          |  |
|--------------------------|--|
| <input type="checkbox"/> | Memegang jawatan Juruukur Bahan<br>(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)  |
| <input type="checkbox"/> | Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan<br>(Sila sertakan salinan kelayakan akademik)   |
| <input type="checkbox"/> | Bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun<br>(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)   |
| <input type="checkbox"/> | Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> atau Juruukur Bahan Konsultan – <i>Consultant Quantity Surveyor</i><br>(Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM) |
| <input type="checkbox"/> | Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam  |

### TAHAP 3 (KUMPULAN PELAKSANA)

- |                          |   |
|--------------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | Memegang jawatan Penolong Juruukur Bahan (JA29)<br>(Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)   |
| <input type="checkbox"/> | Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan<br>(Sila sertakan salinan kelayakan akademik)  |
| <input type="checkbox"/> | Bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Penolong Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun<br>(Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian) |

<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM atau LJM)
<input type="checkbox"/>	Personal statement yang menyatakan pengalaman berkaitan dengan bidang kejuruteraan awam
<input type="checkbox"/>	Sebagai penceramah/ fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;  Atau  Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian. (Sila sertakan salinan surat perlantikan sebagai penceramah / fasilitator atau AJK bagi jawatankuasa yang berkaitan)
<b>TAHAP 3 (KUMPULAN PROFESSIONAL)</b>	
<input type="checkbox"/>	Memegang jawatan Juruukur Bahan (Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Mempunyai kelulusan Sarjana dan setarafnya dalam bidang pembinaan (Sila sertakan salinan kelayakan akademik)
<input type="checkbox"/>	Bekerja dalam sektor Kerajaan (bidang kejuruteraan awam) sebagai Juruukur Bahan minimum lima (5) tahun (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> atau Juruukur Bahan Konsultan – Consultant Quantity Surveyor (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)
<input type="checkbox"/>	Sebagai penceramah/ fasilitator/ membuat pembentangan kertas kerja dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;  Atau  Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan /menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam pengukuran kuantiti dan Senarai Kuantiti berkaitan kerja awam di peringkat Jabatan / Agensi / Kementerian. (Sila sertakan salinan surat perlantikan sebagai penceramah / fasilitator atau AJK bagi jawatankuasa yang berkaitan)